



KEKAL ABADI

Berita Perpustakaan Universiti Malaya

Jil.15 bil . 1 Mac 1996

Percuma ISSN 0127-2578

Pengurusan Sistem Tandatunjuk (Signage) Di Perpustakaan

Hashimah Hashim

Pustakawan

Bahagian Perkhidmatan Pembaca

Perpustakaan Universiti Malaya

Abstrak: Sistem tandatunjuk yang baik di dalam perpustakaan amat penting untuk persediaan perkhidmatan yang berkesan kepada pengguna. Sistem tandatunjuk hendaklah dirancang secara menyeluruh dan bermula daripada pelan umum perpustakaan kepada perkhidmatan khusus yang disediakan di sesuatu tempat atau unit. Sepuluh ciri piawaian hendaklah diperhatikan semasa merancang sesuatu sistem tandatunjuk.

Katakunci: Tandatunjuk perpustakaan.

Abstract: Good signage in libraries is essential for the provision of effective services to users. Signage has to be planned carefully starting from the signage of the general layout plan of the library to the more specific signage for specific services or units. Ten standard features should be observed when planning a signage system.

Keywords: Library signs.

[**Title in English:** The Management of Signage Systems in Libraries]

1. Pengenalan

Salah satu aspek penting yang selalunya diabaikan atau kurang diberi perhatian dalam sebuah perpustakaan ialah pengurusan sistem tandatunjuk (signage). Pengabaian terhadap sistem tandatunjuk tersebut bukan sahaja berlaku terhadap sebuah perpustakaan lama, bahkan juga perpustakaan baru yang mempunyai bangunan yang tersergam indah. Akibat pengabaian tersebut, akhirnya sebuah perpustakaan tidak dapat berfungsi bagi memberikan perkhidmatan yang menyeluruh kepada para penggunanya.

2. Kepentingan Sistem Tandatunjuk

Selain daripada menjaskan perkhidmatan kepada pengguna, sistem tandatunjuk yang kurang sempurna juga turut merosakkan rekabentuk dalaman sebuah perpustakaan. Sistem tandatunjuk yang tidak konsisten dari segi bentuk, warna dan gaya sudah pasti akan mengakibatkan pencemaran pemandangan bahagian dalaman perpustakaan. Keadaan ini berlaku kerana wujudnya penggunaan

atau penambahan sistem tandatunjuk dan tanda arah (direction sign) secara ad hoc dan bertulis tangan secara yang tidak sistematik bagi membantu melengkapai sistem tandatunjuk sedia ada yang tidak sempurna.

KANDUNGAN/CONTENTS

Pengurusan Sistem Tandatunjuk (Signage) Di Perpustakaan	1
M.Sc. (Information Studies) Di Leeds Metropolitan University Tahun 1994/1995	4
Kertas Kerja Persidangan Yang Diperolehi/ Conference Papers Received	7
Berita Ringkas / News in Brief	17
Laporan Persidangan / Conference Reports	17
Hal Ehwal Kakitangan / Staff Matters	18

Oleh itu sebagai alternatifnya, pengurusan perpustakaan semestinya merancang suatu sistem tandatunjuk yang lengkap dan dapat berfungsi sebagai penentuhala (wayfinding) di kalangan pengguna, khususnya semasa mereka berada di dalam perpustakaan. Di samping dapat membantu kesempurnaan sistem rekabentuk dalaman, sistem tandatunjuk yang lengkap dan sempurna akan memastikan keberkesanan fungsi sesebuah perpustakaan kepada para penggunanya.

Perpustakaan yang dianggap unggul bukan sahaja dicirikan oleh bahan yang mencukupi, kakitangan yang peramah dan mesra, tetapi juga sistem tandatunjuk yang sempurna. Bagi memastikan kesempurnaan, sesuatu sistem tanda tunjuk di perpustakaan mestilah mempunyai komponen yang lengkap dan mengandungi ciri-ciri yang sewajarnya.

3. Komponen Sistem Tandatunjuk

Bagi memastikan agar sesebuah perpustakaan tersebut dapat dimanfaatkan oleh pengguna secara maksimum, maka tandatunjuk yang terdapat di dalamnya mestilah bersifat komprehensif. Sistem tandatunjuk perpustakaan yang komprehensif dan boleh digunakan secara efektif serta difahami oleh setiap individu pengguna mestilah sekurang-kurangnya mempunyai enam komponen berikut:

- i) Direktori atau peta berhampiran dengan pintu masuk utama bagi menunjukkan lokasi dan fungsi jabatan atau bahagian.
- ii) Tanda arah di dalam bangunan bagi memandu pengguna ke sesuatu lokasi, aras bangunan, pintu masuk/keluar, bilik dan juga dewan yang berkaitan dengan perpustakaan.
- iii) Tandatunjuk di pintu masuk pejabat sesebuah jabatan atau bahagian yang dapat menunjukkan fungsi atau perkhidmatan jabatan berkaitan.
- iv) Tandatunjuk mengenai maklumat pentadbiran perpustakaan, peraturan, amaran, prosedur, arahan, dan waktu perkhidmatan.
- v) Tandatunjuk bagi menonjolkan sesuatu koleksi dan perkhidmatan tertentu, makluman kegiatan atau peristiwa yang akan dan sedang berlangsung di perpustakaan.
- vi) Tandatunjuk pada dinding tepi setiap rak (stack) mengenai maklumat buku yang terdapat di bahagian rak berkenaan.

Kesemua komponen di atas perlulah disediakan secara menyeluruh bagi menghasilkan sistem

tandatunjuk yang komprehensif. Sistem tandatunjuk yang komprehensif pastinya akan dapat memberikan maklumat dan kefahaman yang menyeluruh kepada pengguna mengenai lokasi dan juga segala maklumat mengenai struktur pentadbiran dan pengurusan sesebuah perpustakaan.

Sistem tandatunjuk yang komprehensif juga akan dapat menonjolkan identiti perpustakaan yang positif di kalangan pengguna. Kesan langsung yang diperolehi daripada identiti yang positif tersebut ialah wujudnya persepsi cemerlang mengenai imej perpustakaan di kalangan pengguna. Para pengguna akan sentiasa merasa selesa semasa berada di dalam perpustakaan yang mempunyai tandatunjuk yang komprehensif: segala bahan mudah diketahui lokasinya, pejabat pegawai bertugas mudah untuk ditentupasti, penggunaan sumber tenaga pengurusan perpustakaan dapat dirancang secara berstruktur, dan aspek terpenting ialah masa dan tenaga pengguna dapat dijimatkan dan digunakan sepenuhnya secara kos-efektif.

4. Pemilihan Peralatan Perpustakaan

Keberkesanan tandatunjuk secara maksimum di kalangan pengguna perpustakaan turut dipengaruhi oleh faktor pemilihan peralatan perpustakaan. Tandatunjuk yang komprehensif akan lebih bermakna sekiranya tandatunjuk berkenaan disokong dengan peralatan-peralatan perpustakaan yang dapat memberikan kesan penggunaan yang maksimum di kalangan penggunanya.

Peralatan perpustakaan yang dianggap berkesan penggunaannya mestilah mengandungi tiga ciri berikut:

- i) Berfungsi secara menyeluruh
- ii) Penyelenggaraan yang mudah
- iii) Rupabentuk fizikal yang praktik

Peralatan yang boleh berfungsi secara menyeluruh akan dapat mengelakkan dan mengurangkan berlakunya kekangan terhadap operasi sesebuah perpustakaan. Dengan penyelenggaraan yang mudah dilakukan ke atas peralatan itu pula, kos pengurusan dapat dikurangkan. Pengurangan kos penyelenggaraan akan membolehkan sesebuah perpustakaan untuk menggunakan kos yang terjamin bagi membaik pulih dan memperlengkapkan keperluan peralatan sesuatu perkhidmatan lain yang lebih diutamakan.

Rupabentuk fizikal peralatan perpustakaan yang praktik akan memudahkan perancangan dan pengurusan rekaletak (layout) sesebuah perpustakaan yang melibatkan sistem susunatur utama, seperti rak, meja, bilik kareldan sebagainya.

5. Beberapa Panduan Perancangan Sistem Tandatunjuk

Selain daripada memiliki komponen yang lengkap, kesesuaian dengan rekabentuk dalaman, dan keseimbangannya dengan penggunaan peralatan perpustakaan, perancangan dan penyediaan sistem tandatunjuk di perpustakaan mestilah berdasarkan beberapa panduan yang dianggap bersifat piawai. Antara sepuluh panduan perancangan itu ialah:

- i) Penyediaan yang konsisten dari segi bentuk, warna, saiz, rekaletak dan perletakan (placement) dan selainnya.
- ii) Penjelasan yang bersifat logikal dan progresif, iaitu bermula daripada identifikasi secara umum kepada sesuatu yang lebih spesifik. Aras maklumat perlu distruktur agar mesej dapat difahami dan dibezaikan penekanannya.
- iii) Penggunaan terminologi atau istilah yang konsisten - satu istilah untuk satu bidang atau perkhidmatan. Elakkan penggunaan sebarang jargon dan kependekan.
- iv) Elakkan penggunaan maklumat atau tandatunjuk yang berlebihan. Tandatunjuk yang berlebihan mungkin mengakibatkan kekeliruan dan pertindihan pemahaman terhadap maklumat.
- v) Tandatunjuk mestilah diletakkan di tempat yang paling sesuai dalam bangunan perpustakaan - pintu masuk utama, kawasan tangga, ruang lif dan selainnya. Kedudukan tandatunjuk mestilah tidak terhalang oleh sebarang tiang atau bahagian bangunan dan kelengkapan lain yang terdapat dalam perpustakaan.
- vi) Tekstandatunjuk mestilah ditulis dengan jelas dan tepat bagi memastikan mesej dapat disampaikan secara berkesan. Frasa dan teks yang digunakan mestilah ringkas dan boleh difahami.
- vii) Tandatunjuk mestilah diseimbangkan dengan rekabentuk senibina bangunan perpustakaan. Dimensi tandatunjuk mestilah mempunyai proposi yang sesuai dengan skala bangunan. Warna dan bahan tandatunjuk mestilah selaras dengan warna dan kemasan bangunan.
- viii) Tandatunjuk mestilah berdasarkan prinsip rekabentuk yang sempurna. Prinsip mengenai penggunaan rupahuruf (typeface), saiz garisan, kontras, penggunaan simbol, dan warna mestilah digunakan.
- ix) Tandatunjuk mestilah bersifat dinamik dan dapat disesuaikan penggunaannya seiring dengan perubahan semasa yang berlaku pada sesebuah perpustakaan dari segi pengurusan, fungsi dan juga persekitarannya.
- x) Tandatunjuk mestilah mematuhi segala peraturan dan juga panduan yang digariskan oleh pihak berkuasa atau berauthoriti yang bertanggungjawab mengenai kelulusan atau pembinaan bangunan.

6. Rumusan

Sebagai rumusan perbincangan, setiap sistem tandatunjuk yang dirancang berdasarkan senarai garis panduan yang dikemukakan perlulah pula disesuaikan dengan keupayaan atau kemampuan penyelenggaraan sistem tandatunjuk itu sendiri. Bagi sesebuah perpustakaan, keberkesanan penggunaan tandatunjuk secara maksimum perlu dapat diurus dengan sempurna berdasarkan beberapa perspektif pengurusan penyelenggaraan. Antara perspektif itu ialah fleksibiliti pemasangan yang mudah ubah, sistem yang menarik, dan keupayaan untuk memenuhi spesifikasi tangguna untuk suatu tempoh yang lama, khususnya bagi bahan yang melibatkan kos yang tinggi. Selain itu, sistem tandatunjuk itu mestilah sentiasa dinamik dan berupaya untuk disesuaikan dengan sebarang fenomena perubahan yang melibatkan segala perspektif pengurusan, sama ada pengurusan perpustakaan atau pengurusan sistem tandatunjuk itu sendiri.

Rujukan

1. Brown, Carol R. (1995). *Planning Library Interiors, the Selection of Furnishing for the 21st Century*. Phoenix, AZ : Oryx Press.
2. Pollet, Dorothy and Peter C. Harkel (eds.) (1979). *Sign Systems for Libraries : Solving the Wayfinding Problems*. New York : Bowker.
3. Raynolds, Linds and Stephen Barrett (1981). *Signs and Guiding for Libraries*. London : Bingley.
4. Yeaman, Andrew R.J. (1989). Vital signs : cures for confusion. *School Library Journal*, 35(15), pp.23-27